



**SEKOLAH RENDAH SRI AL-AMIN
PUTRA MAHKOTA**

NO 82A-1, JALAN BANGI AVENUE 1/8,
TAMAN BANGI AVENUE
43000 KAJANG,
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-89125932.

Faks : Tiada

Portal Rasmi : alaminputra.edu.my

E-mail : srialaminputramahkota@musleh.edu.my

(Rasmi) / alaminputramahkota@gmail.com (Kewangan) /
pengurusansriaapm@gmail.com (Sumber manusia)

Ruj. Kami : SRSAAPM 01/08/007/20()

Tarikh : 10 Jun 2020 M bersamaan

18 Syawwal 1441 H

Ibu Bapa Penjaga

Sekolah Rendah Sri Al-Amin Putra Mahkota,

Prof./Datuk/ Dato'/ DR./ Dr./ Tuan/ Puan/ Cik,

MAKLUMAN PENUTUPAN SEKOLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Merujuk kepada lanjutan **Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)** yang diumumkan pada 7 Jun 2020 dengan kelulusan Lembaga Pengarah dan Pengelola Sekolah, sesi persekolahan di Sekolah Rendah Sri Al-Amin Putra Mahkota (SRSAAPM) **ditangguhkan** mulai 9 Jun 2020 bersamaan 17 Syawwal 1441 H sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

3. Oleh yang demikian, semua murid SRSAAPM **diharapkan menghadiri dua sesi kelas atas talian (online) mengikut darjah setiap hari Isnin hingga Jumaat bermula 10 Jun 2020**. Jadual lengkap pembelajaran telah diedarkan kepada semua ibu bapa penjaga melalui hantaran *whatsapp* kelas masing-masing. Sesi kelas atas talian adalah sesi berikut;

Sesi Satu : 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari (Isnin hingga Jumaat)

Kelas Subjek Kementerian Pendidikan Malaysia dan Sukatan Pelajaran IKRAM Musleh

Sesi Dua : 2.00 petang hingga 3.00 petang (Isnin hingga Jumaat)

Subjek Al-Quran (Tilawah dan Hafazan)

4. Setiap subjek akan diadakan selama satu jam melalui kaedah pembelajaran* berikut;

15 minit pertama : Persediaan dan Kehadiran Murid

45 minit seterusnya : Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) kelas dan interaksi secara *live* murid bersama guru subjek

* Pengecualian kaedah diberikan kepada subjek Al-Quran (Tilawah dan Hafazan) dan Pentaksiran Konstruksi Pelajar IKRAM Musleh (PKPIM) sahaja

5. Bagi sebarang urusan kewangan dan sekolah, pejabat sekolah akan dibuka seperti ketetapan di bawah;

Tarikh mula beroperasi : 15 Jun sehingga 24 Julai 2020

Hari beroperasi : Isnin hingga Jumaat (kecuali Cuti Umum, Sabtu dan Ahad)

Waktu beroperasi : 8.00 pagi hingga 4.00 petang

6. Diharapkan, proses pembelajaran *online* anak-anak dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan anak-anak tidak ketinggalan silibus darjah semasa. Pihak kami juga amat menggalakkan tuan/puan mematuhi garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah semasa melakukan sebarang urusan di sekolah. Sebarang pembayaran yuran secara atas talian (*online*) amatlah digalakkan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(HAZIM BIN MD ROSNAN)

Guru Besar / *Mudir* ,

Sekolah Rendah Sri Al-Amin Putra Mahkota

Desktop